

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 8) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 8) 2012**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

Pindaan Jadual 8

2. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] dipinda dalam Jadual 8 –
 - (a) dengan menggantikan perenggan 5 dengan perenggan yang berikut:

“5. Semua dagangan sekunder dalam debentur.”;
 - (b) dengan memotong perenggan 6;
 - (c) dengan menggantikan perenggan 12 dengan perenggan yang berikut:

“12. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat oleh mana-mana orang atau perbadanan yang ditubuhkan atau diperbadankan di dalam

atau di luar Malaysia, selain suatu pengantara bertujuan khas yang tidak berbantuan sepenuhnya kepada suatu entiti lain, yang mempunyai penarafan kredit tempatan AAA atau penarafan kredit antarabangsa BBB dan ke atas, yang diberikan oleh suatu agensi penarafan kredit, kecuali jika terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur itu dibuat kepada pelabur runcit seperti yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan 12 perenggan yang berikut:

“13. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat oleh mana-mana orang atau perbadanan yang ditubuhkan atau diperbadankan di luar Malaysia seperti yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Dibuat 27 Disember 2012

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1 Jld.8 ;PN(PU2) 662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua